

11 OKTOBER 2017

Melaka serius perangi gejala dadah

Melaka serius perangi gejala dadah

MELAKA 10 Okt. - Kerajaan negeri sentiasa serius terhadap usaha memerangi penyalahgunaan dadah dengan menjadikan ia sebagai agenda utama di semua peringkat jabatan kerajaan, jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampung (JKKK) serta persatuan penduduk.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, usaha itu termasuk menggalakkan penglibatan daripada semua pihak sama ada pemimpin dan komuniti berganding bahu membasmi gejala dadah dengan mengadakan pemantauan dan program pencegahan di peringkat akar umbi serta kawasan sekeliling.

Beliau berkata, dadah merupakan musuh nombor satu negara yang perlu diperangi secara habis-habisan supaya ia tidak terus menjadi ancaman terutamanya merosakkan golongan muda yang menjadi tonggak kepimpinan masa akan datang.

“Kerajaan negeri juga sentiasa menyokong usaha di peringkat Persekutuan dalam memerangi najis dadah ini, sama ada melalui pendekatan pendidikan pencegahan, rawatan, perubatan dan pemulihan, penguatkuasaan dan keselamatan, pengurangan kemudaran serta jaringan kerjasama antarabangsa.

“Melalui usaha ini, kerajaan berharap dapat membendung masalah tersebut yang turut menjadi punca kepada jenayah berat lain seperti kecurian, pecah rumah dan sebagainya di samping membantu memulihkan mereka yang terlibat dengan penagihan dadah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas perhimpunan bulanan kerajaan negeri anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini.